

LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA DI NEGERI MELAKA

9 MEI 2023 MENARA PERSEKUTUAN, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka ingin memberi peringatan kepada semua rakyat di Negeri Melaka berkenaan peruntukan undang-undang berkaitan larangan pembakaran terbuka dimana jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM 500,000.00 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya. Papan tanda larangan terbuka telahpun dipasang diseluruh Negeri Melaka bertujuan memberi pendidikan dan pengetahuan kepada segenap lapisan masyarakat.

Jika dilihat kepada indeks IPU iaitu Indeks Pencemaran Udara, terdapat 2 stesen yang mencatatkan bacaan sederhana iaitu Bandaraya Melaka dan Alor Gajah pada jam 12.00 tengahari ini. Diharapkan mendapat kerjasama semua untuk tidak melakukan pembakaran terbuka di Negeri Melaka. Untuk informasi IPU terkini sila lawat laman sesawang http://apims.doe.gov.my/api_table.html .

Orang awam diminta untuk menyalurkan aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianSumberAsliAlamSekitardanPerubahanIklim

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka